

B

Berikan imbuhan yang sesuai pada kata dasar di bawah. Kemudian, isikan di tempat kosong.

datang	usaha	tahu	menang	tipu
belanja	makan	niaga	selidik	jelas


1. Pasukan sekolah saya _____ hadiah pertama dalam pertandingan itu.
2. _____ kami ke kilang kerepek itu disambut oleh Encik Malik dengan mesra.
3. Cik Ani _____ keistimewaan kad kredit itu kepada beberapa orang pelanggan.
4. Beliau merupakan seorang _____ kerepek yang berjaya.
5. Produk _____ ini sudah dipasarkan ke luar negara.
6. Kita haruslah _____ secara bijak semasa membeli-belah.
7. Sekumpulan _____ dari sebuah universiti tempatan telah mencipta mesin pemprosesan nanas.
8. Tindakan peniaga _____ para pembeli harus kita laporkan kepada pihak berkuasa.
9. Lawatan ini diadakan untuk _____ cara pokok jati ditanam.
10. Encik Zubir mula _____ pokok hiasan selepas bersara.

C

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ mesin ini dapat menjimatkan masa dan tenaga untuk membuat kerepek.
A Penggunaan
B Berguna
C Pengguna
D Digunakan
2. Para _____ haruslah menyertai pelbagai seminar untuk meningkatkan kualiti produk mereka.
A perusahaan
B berusaha
C pengusaha
D diusahakan

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Pekerja itu _____ kereta sorong yang berisi dengan beberapa tandan kelapa sawit.
A menolak
B ditolak
C bertolak
D tertolak
4. Nasihat ibu bapanya sentiasa menjadi _____nya untuk berjaya dalam perniagaan ini.
A pegangan
B memegang
C berpegang
D dipegang

5. Dia berniaga secara kecil-kecilan dengan _____ modal yang diberikan oleh ayahnya.
A pembekal
B bekalan
C berbekalkan
D membekalkan

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Puan Som begitu tekun _____ baju yang ditempah oleh para pelanggannya.
A terjahit
B menjahit
C berjahit
D dijahit
7. _____ beliau dalam industri makanan sejuk beku ini selepas bersara sebagai guru.
A Penglibatan
B Melibatkan
C Terlibat
D Dilibatkan
8. Semua peserta bengkel keusahawanan itu begitu khusyuk _____ ceramah daripada tokoh usahawan yang terkenal itu.
A didengarkan
B mendengar
C memperdengarkan
D terdengar

9. Bahan kimia yang digunakan secara _____ di sektor pertanian akan menjejaskan kesihatan kita.
A lebih C berlebihan
B terlebih D melebihi

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Encik Khairi sedang menyampaikan _____ penghargaan kepada semua kakitangannya dalam jamuan gala syarikat.
A ucapan
B pengucapan
C berucap
D mengucapkan
11. _____ syarikat tersebut membawa kami melawat di sekitar kilang tersebut.
A Urusan C Pengurus
B Terurus D Menguruskan
12. Puan Zabedah _____ usahanya itu secara hobi pada waktu lapang serta menjualnya kepada jiran dan saudara-mara.

- A permulaan
B bermula
C memulakan
D mulakan

13. Abang mendapati alat _____ ini tidak boleh digunakan lagi kerana sudah rosak.
A menimbang
B penimbang
C tertimbang
D ditimbang
14. Sesiapa yang ingin _____ kad kredit ini akan mendapat hadiah misteri.
A pemohon
B dimohon
C memohon
D bermohon
15. Kakak pun mengambil resit _____ wang melalui mesin ATM itu.
A terkeluar
B pengeluaran
C mengeluarkan
D keluaran
16. Encik Sundram berharap agar permohonanya itu mendapat _____ yang wajar daripada pihak bank.
A menimbang
B ditimbangkan
C pertimbangan
D pertimbangkan




Praktis 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Hasmila _____ di Universiti Pertanian Malaysia.
A diajar
B belajar
C pelajaran
D mempelajari
2. Darus _____ lukah di tali air untuk mendapatkan ikan puyu dan ikan haruan.
A penahanan
B menahan
C tertahan
D ditahan
3. Lukisan _____ jalanan itu sungguh cantik dan kelihatan hidup.
A dilukis
B pelukis
C terlukis
D melukis
4. Pengunjung yang bercuti di Pulau Tioman tidak akan melepaskan peluang untuk _____ di lautnya yang biru.
A perenang
B berenang
C merenangi
D merenangkan
5. Encik Khairul segera mendapatkan _____ awal apabila beliau disahkan menghidap diabetes.
A jururawat
B merawat
C rawatan
D dirawat
6. Encik Robert tidak dapat meneruskan _____ silap mata itu kerana masalah kesihatan.
A tunjukkan
B ditunjukkan
C pertunjukan
D menunjukkan

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah ini.



7. Setiap hari, Amirul dan adiknya _____ basikal ke sekolah.
A tunggang
B penunggang
C menunggang
D ditunggang
8. Setelah air mendidih, ibu _____ ketupat itu ke dalam periuk satu per satu.
A masukkan
B memasuki
C kemasukan
D memasukkan
9. Jika cuaca baik, para nelayan pasti akan memperoleh hasil _____ yang banyak.
A menangkap
B tertangkap
C tangkapan
D ditangkap
10. Wang _____ derma kilat itu akan diberikan kepada keluarga yang ditimpa bencana.
A dikutip
B kutipan
C mengutip
D pengutipan

11. Kes _____ yang berlaku di pasar raya itu melibatkan kerugian beratus-ratus ribu ringgit.
 A rompak C perompak
 B merompak D dirompak
12. Kaki adik luka akibat _____ paku di belakang rumah.
 A dipijak
 B pijakan
 C terpijak
 D memijak
13. Ayah _____ sepasang subang kepada kakak bersempena dengan ulang tahun kelahiran kakak.
 A dibeli C membeli
 B terbeli D membelikan
14. Kami tidak melepaskan peluang mendaki Gunung Kinabalu semasa _____ ke Sabah.
 A kunjungan C berkunjung
 B dikunjungi D mengunjungi

15. Para penduduk sedang _____ jalan di Kampung Senai secara gotong-royong.
 A pelebaran C memperlebar
 B dilebarkan D memperlebarkan

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah ini.



16. Pantai itu kotor kerana sikap para pengunjung yang _____ sampah di merata-rata tempat.
 A membuang C terbang
 B pembuang D dibuang

Praktis 2

Perkataan yang bergaris salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- Kakak menghadiahkan rakannya sehelai selendang.

- Datuk gemar menceritakan tentang kisah keperitan hidup semasa zaman penjajahan kepada cucu-cucunya.

- Setiausaha itu mencatatkan maklumat-maklumat penting yang diberitahu oleh pengurusnya.

- Raju diletakkan telefon bimbitnya di atas meja.

- Encik Sarjit akan membesar rumahnya kerana bilangan keluarganya semakin bertambah.

- Pihak polis menemui beberapa bukti berkaitan dengan kes pengedaran dadah.
